

UPM anjur persidangan antarabangsa 23 April

FAKULTI Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya ketiga di Sunway Resort Hotel, Petaling Jaya, pada 23 hingga 25 April depan.

Ketua Jawatankuasa Publisitinya, Prof Madya Dr Shameem Rafik-Galea, berkata persidangan bertema 'Beyond Barriers, Fresh Frontiers' itu akan menjadi forum untuk peserta bertukar pandangan mengenai hubung kait antara bahasa, sastera dan budaya sekarang dan pada masa depan.

Beliau berkata, persidangan tiga hari itu antara lain bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan bahasa, sastera dan budaya dalam pelbagai bidang serta latar profesional.

Katanya, antara pembentang kertas kerja jemputan ialah Prof Emeritus Datuk Dr Asmah Omar, Prof Madya Bill Ashcroft, Prof Ulla Connor, Prof Roger Hawkin, Prod Madya Ken Hyland, Prof Shirley Geok-lin Lim dan Prof Jim R Martin.

Sehubungan itu, mereka yang ingin membentangkan kertas kerja pada persidangan itu diminta menghantar abstrak selewat-lewatnya pada 31 Januari ini.

"Persidangan ini terbuka kepada mereka yang berminat dan yuran yang dikenakan ialah RM350 seorang, tetapi untuk pelajar RM280," katanya.

Untuk mendapat keterangan lanjut, hubungi talian 03-8946 8707/8677 atau layari laman web di www.fbmk.upm.edu.my/~micollac atau e-mel: micollac@fbmk.upm.edu.my.